

# 34 tokoh ICT dunia hadir mesyuarat IAP MSC

UM - 8 SEP 2005

KEPALA BATAS 7 Sept. - Sebanyak 34 pemimpin dan tokoh-tokoh teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dunia yang menjadi ahli Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menghadiri mesyuarat kesembilan selama dua hari di Pulau Pinang, mulai esok.

Selain mencatatkan sejarah sebagai mesyuarat IAP MSC pertama diadakan di luar Lembah Klang, kehadiran ahli itu juga adalah paling ramai setakat ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mempengerusikan mesyuarat tersebut yang diadakan di Hotel Equatorial, Pulau Pinang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga akan menghadiri mesyuarat tersebut sebagai ahli Emeritus IAP bersama tokoh-tokoh ICT yang lain.

Mereka termasuk Naib Presiden, Ketua Penyelidik dan Pengarah Pejabat Sains, Sun Microsystems Inc., Dr. John Gage; Pengerusi dan Ketua Mentor Infosys, Narayana Murthy; Pengerusi Kumpulan, iD SoftCapital Inc., Datuk Dr. Stan Shih dan Presiden

IDTract, Robert Madge.

Sepanjang dua hari itu, beberapa topik perbincangan akan disentuh yang tertumpu kepada isu melahirkan pekerja berpengetahuan, perkhidmatan perkongsian dan penyumbangan luar serta projek merangkaikan MSC ke seluruh negara.

Beberapa tokoh akan memberi ucapan pada hari pertama mesyuarat tersebut seperti Dr. Mahathir, Narayana Murthy, Naib Presiden, Pengurusan Pemasaran Sedunia dan Strategi Pemasaran IBM, Dr. Anil Menon; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif IDT, Greg Lang dan Ahli Lembaga Pengarah Siemens Communications, Thorsten Heins.

Sempena mesyuarat IAP MSC kali ini, kerajaan juga mengadakan program bulan ICT Malaysia yang majlis pelancarannya disempurnakan Perdana Menteri di Dewan Milenium, di sini hari ini yang menyaksikan empat pameran berkaitan MSC dan ICT diadakan.

Pameran-pameran tersebut ialah pameran MSC ICT, pameran kerjaya MSC, pameran e-Komuniti dan pameran komputer yang diadakan selama empat hari.